

Newspaper	Harakah
Date	30/1/2012

Harakah 6 - 9 RABIULAWAL 1433 / 30 JANUARI - 2 FEBRUARI 2012

# Isu Rosmah jejas persiapan Naiib berdepan PRU13

Oleh WAN NORDIN  
WAN YAACOB

**I**SU kemewahan hidup isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor hangat kembali dan terkini isu perbelanjaan mewah Rosmah semasa di Sydney, Australia didekad akhbar negara itu.

Meskipun sebelum ini, Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Tun Razak sedang giat dalam program turun padangnya ke negeri-negeri bagi mempersiapkan jentera pilihan raya, namun penderaahan *Sydney Morning Herald* menjejaskan imej Najib.

Satu artikel dalam akhbar Australia *Sydney Morning Herald* tulis kolumnis Andrew Homery yang mengedar Rosmah sebagai "First Lady of Shopping" kerana dikatakan telah membelanjakan RM300,000 membeli-belah di butik mewah\* peraka fesyen di Sydney, Carl Kapp.

Kolumnis itu dalam satu kenyataannya mempetakan dakwaannya bahawa Rosmah membelanjakan lebih RM300,000 semasa lawatannya ke Australia.

"LOM (wanita pertama Malaysia) dakwa saya membeli-besarkan secara liar lawatan sambil membeli-belahnya di Sydney?"


"Saya tetap pertahankan setiap kata-kata saya. Sumber saya amat kukuh," kata Homery dalam Twitternya.

Selain perbelanjaan A\$100,000 (RM325,000) di sebuah butik, Homery juga mendakwa Rosmah dan suami menginap di emper (penthouse) bernilai A\$200,000 (RM651,000) semalam, meminta 'parkir valet untuk limousinnya' dan menerbangkan peraka fesyen ke Malaysia untuk mengenakan pakaian yang ditempahnya.

Sebelum ini, Rosmah ada menyatakan penafiannya tentang dakwaan itu dan mengesahkan dakwaan itu sebagai satu tuduhan liar.

Rosmah mendapat perhatian masyarakat sejak Najib menjadi Perdana Menteri. Kehidupan mewahnya diperkatakan khalayak selain didakwa banyak mempengaruhi keputusan yang dibuat Najib dalam isu-isu dasar kerajaan.

Ramai yang tidak senang dengan kelibat Rosmah selaku wanita pertama yang



Najib dan isterinya, Rosmah Mansor terus mendapat kritikan rakyat di atas kemewahan hidup.

dilihat terlalu menonjol bukan dengan imej positif, sebaliknya dengan imej yang menggoyahkan imej Najib.

Isu perbelanjaan mewahnya semasa menginap di sebuah hotel di Dubai seperti yang didekadkan Timbalan Presiden KeADILan, Azmin Ali turut menjadi bualan umum.

Meninjau hotel mewah di Dubai

Azmin mendakwa, kos penginapan Najib dan Rosmah di hotel mewah Atlantis di Dubai lebih RM100,000 hanya untuk semalaman.

Rakyat turut dimaklumkan, jumlah perbelanjaan lawatan rasmi Perdana Menteri dan isterinya dari tahun 2008 hingga 2011 iaitu dimana mereka membelanjakan RM1,739,332.85 (2008), RM 4,811,837.48 (2009), RM 5,140,307.99 (2010) dan RM 5,427,172.26 sehingga Jun 2011.

Memetik keratan sebuah akhbar Australia pula, seorang wanita Pertama yang tidak dinamakan turut membelanjakan A\$150,000 (RM487,000) bagi membeli nutiera di gedung mewah disana.

Kesempatan membeli-belah itu diambil ketika Najib dan isterinya, yang juga mengesahkan namanya 'Wanita Pertama Malaysia' berlepas ke Perth untuk mengetuai delegasi Malaysia ke Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komarwel (CHOGM).

Antara yang turut serta dalam delegasi berkenaan ialah Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, Dato' Maglin Dennis DiCruz, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Dato' Dr Mashitah Ibrahim

Mansor itu didekadkan oleh Pengerusi Solidariti Anak Minda Malaysia (SAMM), Badrul Hisham Shahanim yang katanya mendapat maklumat daripada sumber Kastam.

Rosmah menafikan pembelian cincin itu dan menyatakan hanya sekadar untuk pameran sulit di suatu lokasi yang dirahsiakan dan telahpun dihantar ke Singapura.

Beg tangan mewah  
Walaupun Rosmah menafikannya, namun hingga kini perisytiharan ketuarnya barangan itu kononnya ke Singapura masih menjadi tanda tanya.

Selain itu, Ketua Wanita KeADILan, Zuraida Kamaruddin pula ada mendedahkan dakwaan kononnya Rosmah memperoleh wang bagi membeli sekurang-kurangnya 11 beg tangan mewah jenama Birkin.

Zuraida berkata, sekira-

nya anggaran kasar, Rosmah membelanjakan minima RM60,000 hingga maksima RM5192,000 untuk membeli beg tangan berkenaan.

Kini, nama Rosmah meniti semula dibibir masyarakat selepas Shahrizat 'remuk' dibelash kerana skandal kelemahan projek NFC yang dikendalikan oleh suaminya, Dato' Seri Mohammad Salleh.

Rosmah dilihat sukar berperang dengan akhbar luar negara apabila setiap dakwaan yang dihadapinya hanya mampu dinafikan tanpa mengambil tindakan undang-undang ke atas akhbar berpangkalan di Sydney itu.

Apakah sebenarnya yang berlaku, pastinya tindakan 'penahan' tidak cukup untuk menggambarkan Rosmah benar-benar tidak melakukan apa yang didakwa akhbar Sydney itu.

Sebaliknya seperti kata Naib Presiden PAS, Dato'

Mahfiz Omar, Rosmah harus mengambil tindakan undang-undang ke atas akhbar berkenaan, dan sekiranya tidak, ia mendatangkan interpretasi bahawa dakwaan akhbar itu benar.

Lebih penting lagi, apakah serangan ke atas Rosmah ini sebenarnya menggugat 'nama baik' yang sedang dirintis Najib bagi menghadapi pilihan raya umum, rama veteran Umno-BN me Uhatnya sebagai suatu 'beban', kepada Presiden Umno itu.

Rakyat sedang menantikan tindakan Rosmah mahupun Najib, dan ramai yang mahu agar isu itu bukan sekadar dibiarkan berlalu begitu sahaja tanpa siasatan pihak berkuasa seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Jika gagal diatasi, ianya pasti boleh merencatkan kehairahan Najib dalam menentukan tarikh pilihan raya umum ke13.